



ANGGOTA bomba Indonesia bertungkus lumus memadamkan kebakaran tanah gambut di Rimbo Panjang, wilayah Riau, semalam.



Kuala Lumpur

10 kawasan catat IPU tidak sihat

Jerebu di seluruh negara semakin pulih dengan hanya 10 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, berbanding 29, bagi tempoh sama petang kelmarin.

Bacaan IPU di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor

dan Negeri Sembilan yang sekolahnya ditutup kelmarin, menurun ke tahap sederhana berbanding tidak sihat sejak minggu lalu.

Hanya Bandaraya Melaka dan Bukit Rambai yang masih mencatat IPU tidak

*Harian Metro
17/9/2015
m/s 21*

sihat iaitu masing-masing 114 dan 108.

Berbeza keadaan di Sarawak, Pahang, Terengganu dan Sabah, keempat-empat negeri itu dilihat mencatatkan peningkatan IPU tidak sihat sejak semalam.

Kuala Lumpur

Sesi pembelajaran 2,045 sekolah berjalan seperti biasa

Semua 2,045 sekolah yang ditutup akibat jerebu teruk Selasa lalu sudah memulakan sesi pembelajaran seperti biasa

pagi ini.

Arahan membuka semula sekolah dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas

mendapati bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) terkini adalah selamat dan semua aktiviti sekolah boleh berjalan seperti biasa.


BENDAHARI Persatuan Aliran Media Utama Penerbitan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Jeyabalan Parichit** (tiga kiri) mengedarkan topeng muka kepada vendor yang bekerja di sekitar Pasar Seni dan Medan Pasar.

NSTP edar topeng muka

Kuala Lumpur: Situasi jerebu yang melanda beberapa negeri mendapat perhatian The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) apabila mengedarkan topeng muka kepada vendor, ejen dan sub ejen akhbar di cawangan negeri itu.

Pengurus Kanan Jualan dan Penedaran Akhbar NSTP Muhamad Fadzli Mustapha berkata, lebih 12,000 keping topeng muka diedarkan kepada vendor, ejen dan sub ejen berdaftar di seluruh negara.

“NSTP mengambil berat terhadap kemerosotan kualiti udara akibat jerebu yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan



“ Pembekal akhbar banyak menghabiskan masa di luar dan lebih terdedah kepada bahaya jerebu”

Muhamad Fadzli Mustapha

an rakan niaga kami. “Pembekal akhbar banyak menghabiskan masa di luar dan lebih terdedah kepada bahaya jerebu yang boleh menyebabkan mereka sakit, seterusnya menjejaskan penghantaran akhbar harian kumpulan NSTP,” katanya da-

lam satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurut Muhamad Fadzli, inisiatif itu juga sebagai tanda penghargaan kepada rakan niaga yang bersama-sama membantukan syarikat sejak bertahun-tahun, selain pernah mengedarkan apron, jaket keselamatan dan topi keledar sebelum ini.

“Usaha ini juga sebagai tanggungjawab kami bagi memastikan langkah pencegahan diberikan kepada pembekal sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan kepada orang ramai supaya memakai topeng ketika berada di luar pada musim jerebu ini,” katanya.



VENDOR memakai topeng muka yang dibekalkan secara percuma.

